



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***HUBUNGKAIT KETAGIHAN FACEBOOK DAN TWITTER DENGAN  
KEMAHIRAN SOSIAL REMAJA***

**SAHEERA BINTI SARDAR MOHAMED**

**FBMK 2014 65**



**HUBUNGKAIT KETAGIHAN *FACEBOOK* DAN *TWITTER* DENGAN  
KEMAHIRAN SOSIAL REMAJA**

Oleh

**SAHEERA BINTI SARDAR MOHAMED**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Oktober 2014**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang dinyatakan daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah Master Sains

**HUBUNGKAIT KETAGIHAN *FACEBOOK* DAN *TWITTER* DENGAN  
KEMAHIRAN SOSIAL REMAJA**

Oleh

**SAHEERA BINTI SARDAR MOHAMED**

**Oktober 2014**

**Pengerusi: Profesor Madya Jusang Bolong, PhD**

**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Penggunaan laman sosial Facebook dan Twitter semakin meluas sehinggakan ada beberapa pihak yang mengalami ketagihan yang agak membimbangkan terutama remaja sekolah. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan ketagihan laman sosial dengan kemahiran sosial remaja dalam kalangan pelajar Universiti Multimedia, Cyberjaya. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui pola penggunaan laman sosial, tahap ketagihan, tahap kemahiran sosial dan hubungannya dengan golongan remaja. Satu set soal selidik yang merangkumi empat bahagian digunakan sebagai instrumen kajian. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dengan melibatkan 300 orang remaja dari Universiti Multimedia, Cyberjaya.

Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan SPSS (Ver.18) dengan prosedur statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai dan juga prosedur statistik inferensi iaitu ujian kolerasi. Di samping itu, beberapa ujian statistik seperti ujian-t, dan korelasi Pearson untuk mengenal pasti pola penggunaan laman sosial, tahap ketagihan dan hubungan dengan kemahiran sosial remaja. Secara keseluruhannya, tahap ketagihan penggunaan laman sosial bagi remaja adalah sederhana ke tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap ketagihan Facebook dan Twitter dengan kemahiran sosial remaja di rumah, di univeristi, dalam masyarakat dan juga korelasi positif antara pola penggunaan dengan tahap ketagihan laman sosial. Hubungan yang positif ini wujud kerana adanya penggunaan Facebook dan Twitter untuk tujuan membina kemahiran interaksi dan seterusnya kemahiran sosial remaja

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science

**THE RELATIONSHIP BETWEEN *FACEBOOK* AND *TWITTER* AND ADOLESCENT'S SOCIAL SKILLS.**

By

**SAHEERA BINTI SARDAR MOHAMED**

**October 2014**

**Chairman: Associate Professor Jusang Bolong, PhD**

**Faculty: Modern Languages and Communication**

The use of social networking sites as Facebook and Twitter is highly increased and tend to be more addicted in the particular group of adolescent. The study mainly aims to determine the relationship between the addiction of social media with adolescent's social skills among students at the University Multimedia, Cyberjaya. This study also discussed to understand explicitly the user patterns of social media, level of addiction, social skill level, and its relationship with adolescent's. This study used primary data which is collected by means of questionnaire of four sections. The purposive sampling technique was used that involving to 300 students from University Multimedia Cyberjaya.

Data collected were analyzed using SPSS (ver.18) with the procedure of descriptive statistics of the frequency, percentage, mean and standard deviation and procedure of inferential statistics which is correlation test. Furthermore, the statistical tests such as t-test, and Pearson correlation analysis was applied to identify the consumption patterns, level of addiction and the relationship of adolescent's social skills. The findings of the study revealed that the level of addiction for adolescent in social networking are in the range of medium to high scale. The results showed the positive significant relationship between Facebook and Twitter addiction and adolescent's social skills in home, university and society and there is a positive correlation between the user patterns and the addiction of social networking sites. There is positive relationship since adolescent used Facebook and Twitter for improving interaction skills and consequently social skills also will be improved.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, sujud dan syukur kehadiran Allah s.w.t dengan berkat keizinan dan kekuatan daripada-Nya, akhirnya tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Jusang Bolong selaku Pengerusi Penyeliaan tesis ini yang tidak pernah jemu memberi bimbingan, idea, tunjuk ajar, teguran, dorongan, semangat, nasihat dan pandangan yang sangat berguna di sepanjang penghasilan tesis ini Begitu juga setinggi penghargaan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis iaitu, Dr. Nor Azura Adzharuddin. Pengalaman yang ditimba ini akan menjadi titik-tolak untuk mencapai kejayaan seterusnya.

Dengan ucapan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa Puan Amnah Abdul Ghani dan Encik Mior Azmi saya yang sentiasa berada di sisi, dan juga kepada suami saya Encik Nazuan Salleh begitu sabar dan banyak memberi sokongan untuk diri agar sentiasa mengorak langkah menuju destinasi kejayaan.

Tidak ketinggalan, jutaan terima kasih ini juga kepada saya ucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui biasiswa MyBrain15 serta GRF UPM kerana telah sudi membayai yuran pengajian saya sepanjang menuntut di UPM.

Seterusnya buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih kerana banyak membantu menyiapkan penyelidikan ini. Semoga Allah membalas setiap kebaikan yang diberikan.

Salam kasih buat semua.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 14 Oktober 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Saheera binti Sardar Mohamed bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Hubungkait Ketagihan *Facebook* dan *Twitter* dengan Kemahiran Sosial Remaja” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Mohd Nizam bin Osman, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Abdul Mua'ti @ Zamri b Ahmad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Siti Zobidah bt Omar, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mohammed Zin Nordin, PhD**

Profesor  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(Pemeriksa Luar)



---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Date: 23 Januari 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Jusang Bolong, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Azura Adzharuddin, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli
- setiap perkataan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Saheera Binti Sardar Mohamed (GS29547)

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>BAB</b>	
<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>
	1.1 Latar Belakang Kajian 1
	1.2 Penyataan Masalah 3
	1.3 Objektif Umum 6
	1.4 Objektif Khusus 6
	1.5 Kepentingan Kajian 6
	1.6 Limitasi Kajian 7
	1.7 Definisi Konseptual 8
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>
	2.1 Pengenalan 9
	2.2 Penggunaan Laman Sosial 9
	2.3 Twitter 12
	2.4 Facebook 13
	2.5 Ketagihan Facebook dan Twitter 14
	2.6 Faktor-Faktor Ketagihan Facebook dan Twitter 20
	2.7 Kemahiran Sosial 21
	2.8 Pola Penggunaan Facebook dan Twitter 27
	2.9 Perkaitan Antara Laman Sosial ke atas Kemahiran Sosial 27
	2.10 Teori Kehadiran Sosial ( <i>Social Presence Theory</i> ) 28
	2.11 Perkaitan Teori Kehadiran Sosial Dalam Kerangka Kajian 29
	2.12 Kerangka Konsep Kajian 33
	2.13 Hipotesis Kajian 34
	2.14 Kesimpulan 34

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	3.1 Pendahuluan	36
	3.2 Reka Bentuk Kajian	36
	3.3 Lokasi dan Subjek Kajian	36
	3.4 Persampelan Kajian	37
	3.5 Instrumen Kajian	38
	3.6 Prauji	38
	3.7 Operasional Pembolehkan Kajian	39
	3.8 Pengumpulan Data	41
	3.9 Penganalisaan Data	42
	3.10 Rumusan	43
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	4.1 Pendahuluan	44
	4.2 Maklumat Demografi Responden	44
	4.3 Pola Penggunaan Laman Sosial	45
	4.4 Medium Melayari Laman Sosial	48
	4.5 Faktor Menyertai Laman Sosial Dan Penggunaan Item Dalam Laman Sosial	49
	4.6 Tempat, Tempoh, Jumlah Rakan Dalam Laman Sosial	51
	4.7 Tahap Ketagihan Facebook Dan Twitter Kalangan Remaja	55
	4.8 Perbezaan Tahap Ketagihan Penggunaan Facebook Dan Twitter Dalam Kalangan Remaja	58
	4.9 Tahap Kemahiran Sosial Remaja	59
	4.10 Kemahiran Sosial Remaja Di Rumah	59
	4.11 Kemahiran Sosial Remaja Di Universiti	61
	4.12 Kemahiran Sosial Remaja Dalam Masyarakat	64
	4.13 Perkaitan Tahap Ketagihan Penggunaan Laman Sosial Dan Tahap Kemahiran Sosial	68
	4.14 Rumusan	73
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
	5.1 Pengenalan	74
	5.2 Ringkasan Kajian	74
	5.3 Rumusan Kajian	75
	5.4 Kesimpulan Kajian	77
	5.5 Implikasi Kajian dan Cadangan	78
	5.6 Cadangan Kajian Akan Datang	80

<b>RUJUKAN</b>	81
<b>LAMPIRAN</b>	87
<b>BIODATA PELAJAR</b>	98
<b>PENERBITAN</b>	99



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Untuk Praujian	39
2	Ringkasan Pembolehubah dan Jenis Data	41
3	Taburan Responden Mengikut Demografi Profil	45
4	Kekerapan Penggunaan Laman Sosial	47
5	Medium Penggunaan Laman Sosial Di Kalangan Remaja	49
6	Faktor Menyertai Laman Sosial Dan Penggunaan Item Dalam Laman Sosial	51
7	Pola Penggunaan Laman Sosial Di Kalangan Remaja	54
8	Taburan Responden Mengikut Tahap Ketagihan Facebook Dan Twitter	56
9	Taburan Responden Mengikut Item Tahap Ketagihan Laman Sosial	57
10	Tahap Ketagihan Penggunaan Laman Sosial Di Kalangan Remaja	58
11	Taburan Penggunaan Facebook dan Twitter Bagi Tahap Kemahiran Sosial Remaja Di Rumah	60
12	Taburan Remaja Mengikut Tahap Kemahiran Sosial Di Rumah Di Kalangan Pengguna Facebook Dan Twitter	61
13	Taburan Remaja Mengikut Tahap Kemahiran Sosial Di Universiti Di Kalangan Pengguna Facebook Dan Twitter	62
14	Taburan Penggunaan Facebook Dan Twitter Bagi Tahap Kemahiran Sosial Remaja Di Universiti	65

15	Taburan Remaja Mengikut Tahap Kemahiran Sosial Dalam Masyarakat Di Kalangan Pengguna Facebook Dan Twitter	64
16	Taburan Penggunaan Facebook Dan Twitter Bagi Tahap Kemahiran Sosial	65
17	Pecahan Taburan Min Mengikut Tahap Kemahiran Sosial	67
18	Perbandingan Kemahiran Sosial Antara Pengguna Laman Sosial	68
19	Ujian Kolerasi Kemahiran Sosial Antara Pengguna Laman Sosial	69
20	Perkaitan Tahap Ketagihan Penggunaan Laman Sosial Dengan Kemahiran Sosial	72

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Model Teori Kehadiran Sosial	30
2	Kerangka Konsep Kajian	33





## BAB 1

### PENGENALAN

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang meluas di dalam kehidupan masa kini adalah untuk memastikan pengguna mendapat maklumat dengan cepat tanpa perlu membazir masa dan kos capaian. Pada masa kini, rangkaian sosial adalah salah satu fenomena popular yang telah melanda dunia dan kita kini hidup di dalam era rangkaian sosial di gunakan secara meluas.

Pada masa ini, terdapat hampir 170 jenis laman sosial yang digunakan secara aktif dan terkenal di seluruh dunia. Laman sosial ini termasuklah Facebook, Twitter, Wakoopa dan Friendster mendapat perhatian masyarakat di negara ini. Penggunaannya yang mudah serta senang diakses oleh masyarakat merupakan antara kelebihannya. Terdapat sesetengah anggota masyarakat di Malaysia yang menjadikan penggunaan laman sosial di internet ini sebagai medium untuk mengisi kekosongan waktu mereka. Hal ini disebabkan oleh aplikasi yang terdapat di laman sosial berkenaan yang serba canggih ini telah menarik perhatian masyarakat di Malaysia. Secara tidak langsung, penggunaan laman sosial ini memberi kesan terhadap gaya hidup masyarakat di Malaysia.

Penggunaan internet hampir mencecah kepada 16 juta orang dan jumlah tersebut kemungkinan meningkat kepada 20.4 juta pada tahun 2012 (Syahrir & Fatin, 2012). Berdasarkan statistik dari sumber *Alexa & Google Ad Planner*, jumlah penggunaan Facebook hampir 6.2 juta pengguna, Twitter pula hampir 750,000 pengguna.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Pada masa kini terdapat kajian dilakukan di institusi pengajian tinggi di peringkat nasional mahupun antarabangsa terhadap pengaruh penggunaan laman sosial di kalangan remaja yang memberi kesan terhadap kemahiran golongan tersebut. Unsur-unsur yang mempengaruhi pengguna laman sosial ini termasuklah pengaruh rakan sebaya, ketagihan melayari internet dan pengurusan masa individu semakin lemah. Gejala penggunaan laman sosial secara tidak terkawal ini boleh memberi kesan negatif dari segi interaksi sosial kanak-kanak dan remaja akibat kurangnya memberi tumpuan dalam pembinaan kemahiran bersosial di kalangan remaja itu sendiri.

Hal ini telah diakui oleh Pakar Perunding Psikiatri Universiti Malaya iaitu Dr. Muhammad Muhsin (2012) yang menyatakan bahawa bagi membentuk perkembangan kognitif mereka dengan masyarakat, kemahiran bersosial dan komunikasi diperlukan oleh remaja dan kanak-kanak. Maka, golongan remaja seharusnya menyesuaikan diri untuk bersosial dengan masyarakat melalui kemahiran sosial ini. Kemahiran sosial ini tidak akan didapati sekiranya golongan remaja menghabiskan masa terlalu banyak dengan berinteraksi melalui laman-laman sosial tersebut.

Anak-anak, khasnya remaja pada abad ke-21 ini terdedah dengan pelbagai bentuk pengaruh. Dalam dunia yang disebut sebagai "*borderless world*" ini banyak menyuntik unsur-unsur yang positif mahu pun yang negatif. Namun, secara jelasnya, anak-anak lebih mudah tertawan dengan program yang membunuh sahsiah berbanding dengan program yang menghidupkan peribadinya.

Kemahiran sosial didefinisikan sebagai tingkah laku yang bersesuaian untuk berinteraksi di rumah, universiti dan bersama masyarakat. Sesetengah pendidik merujuk kemahiran sosial sebagai keupayaan sosial individu yang mampu mencapai kejayaan tanpa mengganggu orang lain. Kemahiran sosial ialah beberapa set kemahiran yang perlu dimiliki apabila berinteraksi dengan individu lain dalam pelbagai situasi kemasyarakatan.

Faktor kemahiran ini perlu dimiliki kerana ia mampu mencapai hasrat dan matlamat kita kepada orang lain di samping dapat menghasilkan satu bentuk perhubungan positif dan harmonis serta mampu pula untuk mengekalkan perhubungan bagi jangka masa panjang (Khairul Azhar, 2004).

Selain itu, kemahiran sosial juga dapat dikatakan sebagai pengumpulan tingkah laku seseorang yang membolehkannya berinteraksi dengan persekitaran. Terdapat beberapa aspek dalam kemahiran sosial iaitu kemahiran asertif, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Menurut Caroline dan Terri (2009), laman sosial penting untuk guru memperkenalkan kepada pelajar untuk mewujudkan lebih banyak kemahiran interaksi dan komunikasi antara guru dan pelajar. Guru boleh memuat naik tugas ke laman sosial dan manakala pelajar akan bertindak memberikan maklum balas tentang jawapan atau sebarang masalah yang dihadapi oleh mereka yang seterusnya dapat menyumbang kepada penyelesaian sesuatu permasalahan itu dengan pantas. Secara tidak langsung ia dapat merangsang pelajar yang pasif yang tidak gemar bercakap dan memberi idea di dalam kelas. Selain itu, pelajar akan menjadi mahir menggunakan ICT iaitu melalui laman sosial dan kemahiran menyelesaikan masalah pembelajaran dan tugas mereka dapat ditingkatkan serta dapat meningkatkan kemahiran komunikasi.

Kemahiran sosial membolehkan mereka berinteraksi dan menjaga hubungan antara masyarakat dengan baik dan bersesuaian mengikut golongan. Kemahiran ini membantu mereka dalam menyesuaikan diri dalam pelbagai aktiviti sosial yang melibatkan orang lain. Mereka juga akan mengetahui cara yang sesuai untuk berkomunikasi dengan orang lain mengikut intonasi suara, gerak geri, mimik muka dan emosi yang betul. Sekiranya mereka gagal menguasai kemahiran ini, ia akan menyebabkan timbulnya perasaan rendah diri, mengasingkan diri dari orang lain dan menyebabkan kemurungan.

Ciri kelemahan dalam kemahiran sosial yang biasa kita lihat ialah tidak boleh menerima perbezaan pendapat, mementingkan diri sendiri, menganggap dirinya sahaja yang betul, suka mencari kesalahan orang lain, tidak mahu menerima pendapat orang lain, tidak menghormati mereka dan tidak boleh bekerja dalam satu pasukan sehingga menimbulkan banyak masalah dalaman. Bagaimanapun, dalam kepesatan penggunaan laman sosial masa kini sehingga berlakunya ketagihan aspek kemahiran sosial remaja muda terjejas.

## 1.2 Penyataan Masalah

Kemahiran sosial ialah hubungan interpersonal dan proses interaksi sesama manusia yang positif yang harus membawa manfaat kepada semua pihak yang terlibat sama ada dalam bentuk material, kestabilan emosi, peningkatan kekuatan fizikal, intelek atau spiritual. Remaja yang tidak mempunyai kemahiran sosial akan berhadapan masalah dalam kehidupan mereka. Malah ada sebahagian remaja yang gagal untuk berinteraksi dalam masyarakat dan terlalu obses dengan melayari laman sosial sehingga mereka bertindak mengasingkan diri kerana tidak tahu bagaimana untuk berinteraksi dengan orang lain kerana malu, perasaan rendah diri atau tidak mempunyai keyakinan diri. Hal ini mempengaruhi tahap kemahiran seseorang remaja dari segi pergaulan kerana sering mengasingkan diri dengan melayari laman sosial tersebut (Jasmine, 2012).

Kelemahan dalam kemahiran sosial jelas dalam kehidupan remaja sekiranya kita melihat ketidakpercayaan berkomunikasi dan menyampaikan idea dengan baik. Kegagalan mencari pekerjaan seringkali berpunca daripada tidak mempunyai kemahiran sosial. Bagi mereka dunia mereka hanya ditemani dengan dunia internet, terutamanya laman sosial. Mereka gagal mempamerkan personaliti yang sewajarnya ketika dipanggil temu duga untuk bekerja dengan sesebuah organisasi. Mereka terbawa-bawa dengan budaya dan tabiat lama ketika di bangku sekolah atau universiti. Dalam keadaan yang lain pula, ramai remaja yang bekerja dalam sebuah organisasi namun tidak mampu berinteraksi dengan lebih baik (Vijayen, 2003).

Dari segi hubungan persahabatan, aspek kemahiran sosial kurang diberikan perhatian oleh remaja atau masyarakat umum. Namun kita dapati budaya dalam kalangan remaja hari ini menjurus kepada bentuk persahabatan yang bersifat sementara yang hanya perkara yang berkaitan dengan keseronokan dan hiburan dan tidak membentuk sikap pengorbanan dan kerjasama, dalam perkara melakukan kebaikan untuk masyarakat. Mereka tidak memahami erti dan nilai persahabatan yang sebenarnya. Ini merupakan kesan daripada pengaruh nilai dan budaya Barat yang berasaskan hedonisme, kebebasan dan mementingkan diri sendiri (Reader's Digest, 2002).

Menurut penyataan Rice (2005) apabila ketagihan yang tinggi menggunakan internet, sedikit sebanyak ia memberi kesan terhadap kehidupan normal. Ia akan memberi kesan kepada seseorang individu itu yang membuatkan berlakunya tekanan perasaan dan penurunan aktiviti harian (Shapira, Goldsmith, Keck, Koshla & McElroy, 2000)

Bagi seseorang yang sangat leka dengan laman sosial, mereka akan tidak mempedulikan saudara mahupun rakan sekeliling kerana mereka terlalu mengutamakan rakan dalam laman sosial tersebut. Selain itu, mereka juga tidak mempedulikan kesihatan dan pelajaran mereka kerana terlalu lalai dengan melayari laman sosial (Jeyamani, 2010).

Individu yang terlalu leka dengan laman sosial akan mengalami gangguan personaliti seperti personaliti antisosial atau *avoidant personality* atau gangguan kebimbangan sosial turut mempunyai kekurangan dalam aspek kemahiran sosial ini. Terdapat juga pengkaji melihat faktor persekitaran seperti pendedahan yang kerap dalam pergaulan positif sebenarnya memantangkan seseorang dan mendatangkan tahap kemahiran sosial baik dalam interaksi mereka. Punca seseorang individu kurang mahir dari segi interaksi sosialnya adalah kerana kurang pendedahan daripada aspek pergaulan dan mereka hanya berfantasi di alam maya (internet) atau tidak ada pendedahan wajar untuk mereka bagi mengatasi kekurangan itu. Perlu diberi perhatian bahawa apa yang berlaku ini bukanlah di akibatkan sindrom kerosakan otak.

Menurut Khairul Azhar Idris (2004) kekurangan kemahiran ini akan mewujudkan suasana tegang dan cemas dalam interaksi, tidak mampu menerima perbezaan pendapat, mementingkan diri sendiri dan menganggap diri sendiri saja yang betul, malah akan sentiasa mencari keburukan dan kesalahan orang lain. Pendek kata, kemahiran sosial adalah tatacara yang perlu dimiliki oleh semua orang, sama ada pelajar dan remaja, pemimpin, ulama dan pendakwah, suami dan isteri, ibu bapa dan sebagainya. Dengan tatacara ini, mereka mempunyai peluang yang lebih baik untuk diterima masyarakat dan seterusnya menjadi golongan yang mampu bertahan dalam pelbagai situasi.

Portal Universiti Malaysia Terengganu (2009), menyatakan laman rangkaian sosial ini adalah melekakan dan boleh menjejaskan prestasi akademik seseorang pelajar. Ini disebabkan setiap kali pelajar melayari internet untuk mencari maklumat mengenai sesuatu tugas, mereka pasti akan membuka laman rangkaian sosial ini. Hal ini telah menjejaskan banyak masa untuk menyiapkan sesuatu tugas. Hal ini mempengaruhi tahap kemahiran sosial seseorang pelajar, kerana mereka banyak menghabiskan masa dengan melayari internet berbanding dengan berinteraksi secara bersemuka bersama rakan-rakan.

Menurut sebuah kajian yang dijalankan di bawah tajuk “Media Sosial & Penggunaan Internet di Kalangan Remaja dan Dewasa” oleh Zickuhr (2010), ianya disahkan di dalam statistik bahawa remaja yang berusia 18 – 29 tahun melayari laman sosial pada kadar tertinggi iaitu lebih dari sekali dalam sehari dengan peratusan sebanyak 68% dan 21% melayari internet beberapa hari dalam seminggu dan hanya 10% jarang melayari laman sosial dengan kerap. Ini jelas menunjukkan majoriti remaja menghabiskan sebahagian dari kehidupan seharian mereka dengan melayari laman sosial dan ini juga termasuk dengan mengambil kira masa dan jam yang diluangkan untuk melayari laman sosial. Mengambil kira daripada statistik ini, ianya adalah penting untuk kita

mengetahui dengan lebih jelas apakah faktor yang menarik minat remaja–remaja ini untuk berterusan meluangkan masa mereka setiap hari untuk melayari laman sosial ini.

Masa yang dihabiskan oleh remaja terhadap laman sosial ini menimbulkan tanda tanya, apakah yang menyebabkan mereka secara terus-terusan tidak jemu untuk melayari laman sosial ini dan apakah ini memberi gambaran kepada umum bahawa mereka telah menjadi “*Facebook addict*” sehingga menjejaskan kemahiran sosial mereka. Apakah tarikan yang menjadikan laman sosial ini mampu mengekalkan kesetiaan pengguna mereka untuk terus aktif melayari laman sosial ini. Pelajar khususnya, adalah pengguna paling aktif melayari Facebook di mana Ellison, Steinfeld & Lampe (2007) mendapati bahawa 94% pelajar pra-siswazah melayari Facebook secara purata 10 – 30 minit untuk laman sosial ini setiap hari dan mempunyai purata sebanyak 150 – 200 rakan Facebook pada setiap akaun masing-masing. Ini akan memberi kesan dan ketagihan yang melampau dalam kehidupan seharian dan menjejaskan kemahiran sosial mereka. Sehingga kini, terdapat banyak kajian yang menyentuh ketagihan laman sosial dijalankan. Walau bagaimanapun, kajian terhadap ketagihan laman sosial secara menyeluruh masih berkurangan terutama aspek gabungan laman sosial seperti *Twitter*, *My Space*.

Ketagihan dalam melayari laman sosial seperti Facebook dan Twitter, dapat meningkatkan kemahiran berkomputer dan memberi kesan yang positif terhadap diri pelajar. Mahir dalam aplikasi komputer seperti penggunaan ruang chat dan berkongsi informasi terkini dapat meningkatkan kemahiran komputer mereka (Jerald, 2008).

Apabila seseorang itu telah mahir dan menguasai dalam menggunakan komputer, kerja seseorang akan dapat dilakukan dengan cepat dan mudah. Penggunaan laman sosial tidak sahaja kepada pengkongsian video dan gambar, mereka turut berkongsi soalan-soalan peperiksaan tahun lepas dan membuat persediaan dalam menghadapi peperiksaan akan datang (Jerald, 2008).

Kemahiran berkomunikasi juga dapat dipertingkatkan apabila seseorang itu ketagih dalam menggunakan laman sosial seperti Facebook dan Twitter. Mereka dapat berkongsi maklumat, idea dan pengalaman serta berinteraksi dengan rakan-rakan seluruh negara (Teng Boon Leong, 2012).

Samada untuk bersosial, untuk berhubung, menambah kenalan atau sebab lain, penggunaan berterusan remaja terhadap laman sosial ini dilihat semakin memberangsangkan dan kajian ini diharap dapat mengenal pasti dengan lebih jelas, apakah implikasi yang diberikan secara langsung dan tidak langsung daripada kegiatan melayari laman sosial ini? Adakah benar remaja yang ketagih menggunakan laman sosial menjejaskan kemahiran sosial mereka?



### 1.3 Objektif Umum

Objektif umum kajian adalah untuk mengenal pasti hubungan ketagihan laman sosial dengan kemahiran sosial remaja.

### 1.4 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- 1) Menenal pasti pola penggunaan laman sosial dalam kalangan remaja
- 2) Menenal pasti tahap ketagihan penggunaan laman sosial dalam kalangan remaja
- 3) Menenal pasti tahap kemahiran sosial remaja
- 4) Menenal pasti perkaitan tahap ketagihan penggunaan laman sosial dengan kemahiran sosial remaja

### 1.5 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran sebenar tentang akibat atau kesan daripada pengaruh laman sosial terhadap kemahiran sosial remaja. Selain itu ia diharapkan dapat menambahkan ilmu pengetahuan mengenai implikasi laman sosial yang begitu popular dengan golongan remaja. Kepentingan ini juga akan dilihat dari aspek teori, metodologi dan aplikasi. Kajian ini penting untuk mengenal pasti sejauh manakah laman sembang sosial ini mampu memberi kesan, baik positif mahupun negatif kepada golongan remaja. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat menerangkan kepada masyarakat tentang fungsi utama laman sembang sosial sebagai medium untuk golongan yang gemar bersosial khususnya golongan remaja bagi menambah kenalan serta memenuhi tuntutan peribadi mereka. Menerusi dapatan kajian ini pula diharapkan masyarakat dapat menilai bagaimana hubungan ketagihan laman sosial ini mempengaruhi kemahiran sosial remaja. Kita juga akan dapat mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai persepsi golongan remaja terhadap kesan dan pengaruh laman sembang sosial dengan kemahiran sosial mereka.

#### 1.5.1 Kepentingan Kepada Teori

Kajian yang sistematik akan menghasilkan keputusan yang bukan sahaja baik, malahan tepat dan berguna kepada masyarakat. Justeru hasil kajian ini diharapkan dapat memberi panduan berguna kepada tenaga akademik dan masyarakat di luar. Secara teori, kajian ini penting sebagai salah satu sumbangan dalam melihat bagaimana ketagihan laman sosial memberi kesan terhadap kemahiran sosial remaja. Laman sosial dapat menghubungkan seseorang individu dengan individu lain. Terdapat banyak laman sosial yang dihasilkan. Antaranya termasuklah Facebook yang merupakan antara laman sosial popular yang dihasilkan oleh Mark Zuckerberg dan Twitter yang terkenal dengan istilah *tweet* dan direka oleh Jack Dorsey. Laman-laman sosial mendapat perhatian pelajar kerana penggunaannya yang mudah dan senang diakses bagi mengisi waktu lapang. Mereka merasa selesa dan ketagihan dalam menggunakannya kerana mereka memerlukan hiburan dan komunikasi dengan dunia luar dipenuhi melalui itu. Jika dikaitkan dengan teori media massa '*Uses and*

*Gratification* tentang keperluan manusia akan media, *twitter* merupakan media yang dapat memenuhi keperluan mereka.

Keperluan akan memperluas perhubungan melalui komunikasi. Bentuk komunikasi yang terjadi antara pengguna dan penerima dalam *twitter* adalah tulisan. Sehingga tahap pandangan terhadap pengguna dan pesanan kerana hanya berupa tulisan tidak disokong dengan audio atau bentuk visual yang lain. Hal ini berkait rapat dengan teori kehadiran sosial yang merupakan kepentingan peribadi di mana sebagai seorang individu memandang orang lain sebagai peribadi individu dan interaksi di antara keduanya dipandang sebagai hubungan yang saling timbal balik. Teori ini menyatakan bahawa masing-masing media menonjolkan perbezaan kepentingan peribadi dalam perhubungan. Jadi, teori ini masih lagi relevan dan signifikan untuk dikaji memandangkan teori ini dilihat dapat memantapkan lagi hasil kajian ketagihan laman sosial.

### **1.5.2 Kepentingan Kepada Metodologi**

Dari aspek metodologi, kajian ini dapat membuka ruang kepada penyelidik yang akan datang penggunaan metodologi yang bersifat kualitatif pada masa akan datang.

### **1.5.3 Kepentingan Kepada Aplikasi**

Laman sosial mendatangkan kebaikan kepada pelajar sekiranya digunakan secara betul kerana pelajar dapat mengenali kawan yang baru dan pada masa yang sama dapat menghubungkan semula kenalan lama yang mungkin telah terputus hubungan. Laman sosial turut menyalurkan maklumat yang berguna kepada pelajar seperti digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai pembelajaran dan berkongsi ilmu pengetahuan dengan pelajar di tempat lain. Mereka juga dapat menyampaikan maklumat seperti mengadakan satu perjumpaan di sesuatu tempat dengan mengumpulkan guru-guru dan rakan-rakan yang telah lama tidak berjumpa. Perkara ini menjadi mudah kerana dapat menjimatkan masa dan tenaga dengan cara menggunakan kemudahan yang sedia ada.

## **1.6 Limitasi Kajian**

Kajian mengenai hubungan ketagihan laman sosial dengan kemahiran sosial remaja ini hanya melibatkan responden di Universiti Multimedia, Cyberjaya. Hasil kajian juga bergantung sepenuhnya kepada jawapan responden yang dianalisis daripada borang soal selidik. Kajian ini hanya dijalankan kepada responden yang melayari atau memiliki laman sosial sahaja. Responden yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai laman sosial tidak akan dipilih. Kajian ini lebih tertumpu pada penggunaan Facebook dan Twitter. Ini adalah kerana peratus penggunaan Facebook dan Twitter lebih tinggi berbanding dengan laman sosial yang lain.

## **1.7 Definisi Konseptual**

Konsep yang menjadi teras dalam kajian ini terdiri daripada elemen-elemen berikut iaitu:

### **1.7.1 Ketagihan Facebook**

Menurut pernyataan Rice (2005) apabila ketagihan yang tinggi menggunakan internet, sedikit sebanyak ia memberi kesan terhadap kehidupan normal. Ia akan memberi kesan kepada seseorang individu itu yang membuatkan berlakunya tekanan perasaan dan penurunan aktiviti harian (Shapira, Goldsmith, Keck, Koshla & McElroy, 2000).

### **1.7.2 Ketagihan Twitter**

Ketagihan boleh dikenal pasti apabila terbentuknya satu jadual atau proses pelaziman seseorang itu tidak dapat berpisah dengan sesuatu tabiat yang wujud akibat pengaruh atau pancingan. Apabila seseorang itu menghabiskan masa yang banyak terhadap laman sosial Twitter, ia akan menyebabkan berlakunya ketagihan Twitter terhadap diri seseorang (Pempek, Yermolayeva, & Calvert, 2009).

### **1.7.3 Kemahiran Sosial**

Menurut Thacker (Vijayen, 2003) kemahiran sosial didefinisikan sebagai keupayaan untuk berkomunikasi secara efektif dengan individu lain dalam situasi sosial atau kerja. Istilah kemahiran sosial yang digunakan bermaksud keupayaan untuk menghasilkan tingkahlaku atau respon yang sesuai secara lisan atau bukan secara lisan dalam proses berinteraksi tanpa menyakitkan perasaan orang lain serta membentuk satu hubungan yang positif.

### **1.7.4 Kemahiran Sosial Remaja**

Kemahiran sosial remaja adalah untuk mengukur pergaulan atau interaksi remaja untuk memberi gambaran awal tentang tahap kemahiran sosial remaja di rumah, univeristi dan dalam masyarakat (Vijayen, 2003).



## RUJUKAN

- Abdullah, M. Y. H., Basri, F. K. H., Hasim, M. S., & Rahman, M. P. A. (2009). The portrayal of ICT in the media: a Malaysian scenario. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 25, 1-12.
- Adham Shadan.(2010, September 21). 18 SMS sehari. *Kosmo*. Retrieved from [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0911&pub=Kosmo&sec=Infiniti&pg=in\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0911&pub=Kosmo&sec=Infiniti&pg=in_01.htm).
- Aini Raudhah Roslam. (2011, October 20). Facebook Usage Among Malaysian Youths. Retrieved from <http://www.ukm.my/news/index.php/en/extras/875-facebook-usage-among-malaysian-youths.html>.
- Ali, Muhamad Sham Shahkat. (2011). *The use of Facebook to increase climate change*(Unpublished doctoral dissertation). Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Aminuddin Hassan. (2013). Social presence within the community of inquiry framework.*The International Review of Research in Open and Distance Learning*, 12(5), 40–56.
- Amy Summers. (2011, February 22). A teen speaks: Is social networking damaging our social skills? Retrieved from [http://socialtimes.com/a-teen-speaks-is-social-networking-damaging-our-social-skills\\_b38991](http://socialtimes.com/a-teen-speaks-is-social-networking-damaging-our-social-skills_b38991).
- Bachrach, Y., Kosinski, M., Graepel, T., Kohli, P., & Stillwell, D. (2012). Personality and patterns of Facebook usage. *WebSci '12 Proceedings of the 4th Annual ACM Web Science Conference*, 24-32.
- Batchelder, W. H., Strashny, A., & Romney, A. K. (2010). Cultural consensus theory: Aggregating continuous responses in a finite interval. *Advances in Social Computing: Third International Conference on Social Computing, Behavioral Modeling, and Prediction*, 6007, 98-107. DOI:10.1007/978-3-642-12079-4\_15.
- Boyd, D. M., & Ellison, N. B. (2007). Social Network Sites: Definition History and Scholarship. *Journal of Computer-mediated Communication*, 13(1), 210-230. DOI: 10.1111/j.1083-6101.2007.00393.x.
- Burke, M., Kraut, R., & Marlow, C. (2011). Social capital on facebook: differentiating uses and users. *Proceedings of the SIGCHI Conference on Human Factors in Computing Systems (CHI '11)*. ACM, New York, NY, USA, 571-580. DOI=10.1145/1978942.1979023 <http://DOI.acm.org/10.1145/1978942.1979023>.
- Cheney, D. (1996). A usage and gratification perspective on the internet as a new information sources. *Journal of Information & Communication*, 19(4), 395-413.

- Collins, D. R., & Stukas, A. A. (2008). Narcissism and self-presentation: The moderating effects of accountability and contingencies of self-worth. *Journal of Research in Personality*, 42(6), 1629-1634. DOI:10.1016/j.jrp.2008.06.011
- Dwyer, C., Hiltz, S., & Passerini, K. (2007). Trust and privacy concern within social networking sites: A comparison of Facebook and MySpace. *AMCIS 2007 Proceedings*, 339.
- Diyanah Anuar. (2010, July 24). Kuasai Bahasa Inggeris. *Berita Harian Online*. Retrieved September 20, 2010, from [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KuasaibahasaInggeris/Article/print\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KuasaibahasaInggeris/Article/print_html).
- Ellison, N. B., Steinfield, C., & Lampe, C. (2007). The benefits of Facebook "friends": Social capital and college students' use of online social network sites. *Journal of Computer Mediated Communication*, 12(4), 1143-1168.
- Ebiz MBA. (2013). Top 15 Most Popular Social Networking Sites. Retrieved from <http://www.ebizmba.com/articles/social-networking-websites>.
- Fauzi Hussin. (2011, December 6). Economy and research methodology: Kaedah pengumpulan data (data collection method) [Web log post]. Retrieved from <http://fauzihussin5252.blogspot.com/2011/12/kaedah-penyelidikan.html>.
- Hassan, J., Rashid, R. A., & Shahrina, R. (2012). Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6, 23-43.
- Helidzia Ramli. (2008). Kajian tinjauan web: Tinjauan terhadap jenis penggunaan internet dan tahap ketagihan internet di kalangan pelajar. Retrieved from <http://www.slideshare.net/helidzia/kajian-tinjauan-web>.
- Hj. Ismail, Rafidah & Hassan, Johari. (2009). *Hubungan akrab remaja dan internet: Pengaruhnya dalam pendidikan remaja satu kajian kes* (Bachelor's thesis). Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.
- Internet users in the world distribution by world regions. (2012). Retrieved from <http://www.internetworldstats.com/stats.htm>.
- Iskandar Ab Rashid. (2006). *Rakan internet : Panduan penggunaan internet*. Batu Caves, Selangor: Venton.
- Ismail, H., Hassan, A., Muhamad, M., Ali, W. Z. W., & Konting, M. (2013). Epistemological Belief and Learning Approaches of Students in Higher Institutions of Learning in Malaysia. *Online Submission*, 6(1), 139-150.
- Ismail Zain (2003). *Pelajar Cemerlang Melangkah Ke Alam Siber*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

- Izwan Muhidi. (2012). Do social-networking sites such as Facebook and MySpace enhance a young person's social life or serve as a substitute for a real social life? Retrieved from <http://mainesgtz.wordpress.com/2012/10/13/do-social-networking-sites-such-as-facebook-and-myspace-enhance-a-young-persons-social-life-or-serve-as-a-substitute-for-a-real-social-life>.
- Jasmine Fowlkes. (2012, October 11). Viewpoint: Why social media is destroying our social skills | USA TODAY College. Retrieved from <http://college.usatoday.com/2012/10/11/opinion-why-social-media-is-destroying-our-social-skills>.
- Khairul Azhar Idris. (2004). Strategi mengelakkan ketagihan internet. Retrieved from <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/7165-strategi-mengelakkan-ketagihan-internet>
- Khairunnisa Sulaiman. (2012, Mac 11). Ketagih facebook. *Utusan Malaysia online*. Retrieve from [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012 &dt=0311 &pub=UtusanMalaysia&sec=Kesihatan&pg=kn\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012 &dt=0311 &pub=UtusanMalaysia&sec=Kesihatan&pg=kn_05.htm)
- Krishnan, A. (2011). *Individual differences in users of online networking sites: The interplay between personality traits, communication and social motives, attitudes and level of activity* (Doctoral dissertation). Retrieved from <http://digitalcommons.uconn.edu/dissertations/AI3464371>.
- Krishnan, A. (2011). *Individual differences in users of online networking sites: The interplay between personality traits, communication and social motives, attitudes and level of activity*. University of Connecticut.
- Kuss, D. J., & Griffiths, M. D. (2011). Online social networking and addiction - a review of the psychological literature. *International journal of environmental research and public health*, 8(9), 3528-3552.
- LeifDenti.(2012). Sweden's Largest Facebook Study. Retrieved from <http://gri.gu.se/english/latest-news/news/d/sweden-s-largest-facebook-study--a-survey-of-1000-swedish-facebook-users.cid1073014>
- Lenhart, A., Purcell, K., Smith, A., & Zickuhr, K. (2010). Social Media & Mobile Internet Use among Teens and Young Adults. Millennials. *Pew Internet & American Life Project*. Retrieved from [http://web.pewinternet.org/~media/Files/Reports/2010/PIP\\_Social\\_Media\\_and\\_Young\\_Adults\\_Report\\_Final\\_with\\_toplevels.pdf](http://web.pewinternet.org/~media/Files/Reports/2010/PIP_Social_Media_and_Young_Adults_Report_Final_with_toplevels.pdf)
- Mahmud, M. Z., & Omar, B. (2013). Motif dan kekerapan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 35-54. Retrieved from [http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf\\_files/2013/V29\\_1\\_35-54.pdf](http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2013/V29_1_35-54.pdf)
- Megan Puglisi. (2010). Social networking hurts the communication skills of college. *Communication Quarterly*, 39(4), 297-308.

- Mehdizadeh, S. (2010). Self-presentation 2.0: Narcissism and self-esteem on Facebook. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 13(4), 357-364. DOI: 10.1089=cyber.2009.0257. Retrieved from <http://people.uncw.edu/hakanr/documents/selfesteemandnarcissismonFB.pdf>
- Mulder, L. B., Van Dijk, E., De Cremer, D., & Wilke, H. A. (2006). Undermining trust and cooperation: The paradox of sanctioning systems in social dilemmas. *Journal of Experimental Social Psychology*, 42(2), 147-162.
- Munoz, C., & Towner, T. (2009, March). Opening Facebook: How to use Facebook in the college classroom. *Society for information technology & teacher education international conference, 2009(1)*, 2623-2627.
- Nelson, K. (2009). *Young minds in social worlds: Experience, meaning, and memory*. Cambridge: Harvard University Press.
- Nor Aishah Abdul Aziz, Mohd Zolkifli Abd Hamid & Ismail Saliyan (2012). *Teknologi komunikasi maklumat: Wadah menerapkan nilai murni dalam pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norakmah Mat Youb. (2011, Oktober 11). 60,000 pelajar kita ketagih FB. *Berita Harian online*. Retrieved from [http://www.bharian.com.my/articles/60\\_000\\_pelajarkitaketagihFB/Article](http://www.bharian.com.my/articles/60_000_pelajarkitaketagihFB/Article).
- Norazuwa Mat. (2006). *A measurement model of teaching effectiveness for public higher education institution in Malaysia*. Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- NugrohoEko. (2008). The internet as a mass medium. *Journal of Communication*, 4, 39-50.
- Odell, P. M., Korgen, K. O., Schumacher, P., & Delucchi, M. (2000). Internet use among female and male college students. *CyberPsychology & Behavior*, 3(5), 855-862.
- Reynol J. (2011). The relationship between frequency of Facebook use, participation in Facebook activities & student engagement. *Computers & education*, 58(1), 162-171.
- Rice, M. (2005). Online addiction. *Beijing Review*, 48(46), 32-33.
- Richter, A., & Koch, M. (2008, May). Functions of social networking services. *Proc. Intl. Conf. on the Design of Cooperative Systems*, 87-98. Springer.
- Robin Wauters. (2010). Only 50% of Twitter messages are in english, study says. Retrieved from <http://techcrunch.com/2010/02/24/twitter-languages>.
- Roblyer, M. D., McDaniel, M., Webb, M., Herman, J., & Witty, J. V. (2010). Findings on Facebook in higher education: A comparison of college faculty and student uses and perceptions of social networking sites. *The Internet and Higher Education*, 13(3), 134-140.

- Rosmah, D. (2012). Elak remaja ketagih Facebook. *Utusan Malaysia Online*. Retrieved from [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0201&pub=utusan\\_malaysia&sec=Keluarga&pg=ke\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0201&pub=utusan_malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_03.htm).
- Rosmalina Abd. Kadir (2010, April 5). Ketagihan laman sosial maya. *Kosmo*. Retrieved from <http://www.kosmo.com.my>.
- Ross, C., Orr, E. S., Sisic, M., Arseneault, J. M., Simmering, M. G., & Orr, R. R. (2009). Personality and motivations associated with Facebook use. *Computers in Human Behavior*, 25(2), 578-586.
- Sabitha Marican. (2005). Kaedah Pengumpulan Data. Retrieved from <http://www.scribd.com/doc/72778808/Kaedah-Pengumpulan-Data-Primer-Sekunder>.
- Sandy Rao. (2002). Media and communication research methods: An introduction to qualitative and quantitative approaches. *Journalism & Mass Communication Educator*, 56(4), 73+.
- Shahnaz, L., & Wok, S. (2011). Religious motives for using Facebook among university Muslim students. *Seminar Kebangsaan Media dan Dakwah*.
- Sheldon, P. (2008). Student favorite: Facebook and motives for its use. *Southwestern Mass Communication Journal*. Retrieved from [http://web.a.ebscohost.com/abstract?direct=true&profile=ehost&scope=site&authtype=crawler&jrnl=08919186&AN=41873437&h=OBAJEp5Hw7xPOC\\_PuNpBQ0oMB2WPUrd03PUi4GxSyunRMnKf%2bEFawaSndkRAtcnQ91%2f0daFO1Qe4KAEzauqGM5Q%3d%3d&crl=c](http://web.a.ebscohost.com/abstract?direct=true&profile=ehost&scope=site&authtype=crawler&jrnl=08919186&AN=41873437&h=OBAJEp5Hw7xPOC_PuNpBQ0oMB2WPUrd03PUi4GxSyunRMnKf%2bEFawaSndkRAtcnQ91%2f0daFO1Qe4KAEzauqGM5Q%3d%3d&crl=c)
- Shen, K. N., & Khalifa, M. (2010). Facebook usage among Arabic college students: preliminary findings on gender differences. *International Journal of e-Business Management*, 4(1), 53-65.
- Shuhada Mansor. (2013, June 07). Taasub laman sosial. *Harian Metro*. Retrieved from <http://www.hmetro.com.my/articles/Taasublamansosial/Article>.
- Statistik jejaring sosial hingga Januari 2010. (2010, Januari 30). Retrieved from <http://edittag.typepad.com/blog/2010/01/statistik-jejaring-sosial-hingga-januari-2010.html>.
- Steven Thornto. (2012). Twitter versus Facebook: Should you choose one. Retrieved from <http://www.twitip.com/twitter-versus-facebook/>
- Stutzman, F. (2006). An evaluation of identity-sharing behavior in social network communities. *International Digital and Media Arts Journal*, 3(1), 10-18.
- Susan G. (2010). Facebook obsession. Retrieved from <http://www.theguardian.com/science/the-lay-scientist/2011/aug/08/1>.



- Syahrir M. A., & Fatin H. (2009, December 23). Kesan aplikasi sosial maya. *Kosmo*. Retrieved from [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2009&dt=1223&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_02.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2009&dt=1223&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm)
- Tarigan,B. (2011). *Twitter dan tingkat keterbukaan diri*. Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia. Retrieved from <http://repository.usu.ac.id/handle/123456789/33351>.
- The 15 most popular social networking sites. (2012). Retrieved from <http://socialmediatoday.com/soravjain/195917/40-most-popular-social-networking-sites-world>.
- Uma Sekaran. (2003). *Research methods for business: A skill-building approach*. John Wiley & Sons.
- Vijayan Gopal. (2003). *Kemahiran asas sosial kanak-kanak autisme di persekitaran sekolah*. Maktab Perguruan Keningau, Sabah.
- Warr, W. A. (2008). Social software: fun and games, or business tools?. *Journal of Information Science*. 34(4), 591-604.
- Watkins, S. C. (2010). Got Facebook? A new study examines the world's biggest social network. Retrieved from <http://theyoungandthedigital.com/2010/11/18/got-facebook-a-new-study-examines-the-worlds-biggest-social-network/>
- Watskindan Lee. (2010). The purpose of social web especially the effect to teenagers. Retrieved from <http://sociallyactive.com/social-media-effect>.
- Wimmer, R., & Dominick, J. (1999). *Mass media research: An introduction*. Cengage Learning.
- Winter Wong. (2012). A study of self-presentation and social support on facebook. *Journal of Computer-Mediated Communication*. Retrieved from <http://onlinelibrary.wiley.com/DOI/10.1111/j.1083-6101.2007.00367.x/full>
- Yu, J., & Cooper, H. (1983). A quantitative review of research design effects on response rates to questionnaires. *Journal of Marketing Research*, 20, 36-44.